

Terajui MoF: Anwar mampu tarik pelaburan asing ke Malaysia

UM - 5/12/2022 m/s: 33

Oleh **NURFARAHIN HUSSIN**
farahin.hussin@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kelebihan rangkaian Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim terutama di luar negara perlu diguna pakai untuk memperbetulkan kewangan negara seperti menurunkan hutang negara yang kini melebihi RM1 trilion serta menarik pelabur asing datang ke Malaysia.

Itu antara kelebihan beliau yang turut memegang portfolio sebagai Menteri Kewangan.

Penganalisis ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Prof. Madya Dr. Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, keputusan beliau untuk memegang jawatan dalam Kementerian Kewangan (MoF)

itu mungkin kerana memikirkan bahawa negara sedang melalui tempoh kritikal untuk menetapkan hala tuju ekonomi dan kewangan di saat mendepani pelbagai cabaran ekonomi dunia serta domestik.

Ujarnya, kerajaan melalui dasar fiskal tidak boleh terus berbelanja dengan meningkatkan hutang untuk membangunkan ekonomi negara sebaliknya diimbangi dengan wang pelaburan terutama dari luar negara yang lebih banyak daripada dahulu.

“Penasihat yang dilantik juga berupaya untuk membantu (MoF) bagi mencipta formula lebih mantap dan terkini untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI), termasuk bersaing dengan negara-negara jiran di Asean yang

kini lebih berjaya menarik FDI ke negara masing-masing.

“Berdasarkan langkah pertama Anwar menubuhkan dan mempengerusikan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara sejour selesai mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri menunjukkan prioriti beliau mencari jalan menangani kenaikan kos sara hidup rakyat,” katanya kepada Utusan Malaysia.

Jumaat lalu, Perdana Menteri mengumumkan senarai penuh 28 barisan menteri baharu termasuk dua Timbalan Perdana Menteri.

Menteri dalam portfolio ekonomi menyaksikan Timbalan Presiden PKR, Rafizi Ramli dilantik sebagai Menteri Ekonomi manakala bekas Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri

Zafrul Abdul Aziz mengetuai Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Selain itu, urusan kerajaan di MoF akan dibantu beberapa penasihat yang tidak akan mengambil upah dan diketuai Penasihat Petronas, Tan Sri Mohd. Hassan Marican.

Sementara itu, Presiden Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF), Datuk Dr. Syed Hussain Syed Husman berkata, pelantikan menteri bagi portfolio ekonomi dilihat setanding kelayakan masing-masing.

Katanya, sebagai contoh, pelantikan Tengku Zafrul menerajui MITI amat sesuai kerana beliau berpengetahuan dalam dunia perbankan korporat serta bidang perdagangan dan pembiayaan antarabangsa.

“Pengetahuan beliau akan sangat berguna untuk menentukan pelaburan yang betul ke Malaysia dan menentukan apakah insentif yang sesuai untuk memastikan kita menarik industri terbaik untuk ditempatkan di sini.

“Rafizi juga berbakat tinggi dan intelek dalam hal ehwal ekonomi. Kita boleh lihat kedua-dua isu mikro dan makro ekonomi untuk mengukuhkan kedudukan dalam kedudukan global.

“Paling utama, MoF di bawah kendalian Perdana Menteri amat penting memandangkan kita perlu menangani banyak isu pembiayaan untuk negara. Beliau mempunyai pengalaman selama bertahun-tahun dalam kerajaan dan pemahamannya tentang keperluan rakyat,” ujarnya.